

# KONFLIK SYRIA

## Faham Sejarah & Sikap Yang Saksama

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Sejarah Awal

- Bahasa Latin, Levant (East Mediterranean)
- Bahasa Arab, Al-Sham
- Meliputi Syria, Jordan, Lebanon, Palestin, sebahagian Sinai dan daerah perbatasan Turki



- Bumi yang diberkati

“Maha Suci Allah, yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam dari Masjid Al-Haram ke Masjid Al-Aqsa yang **telah Kami berkahi sekelilingnya** agar Kami perlihatkan kepadanya sebagian dari tanda-tanda (kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.” (Al-Isra’: 1)

“Ya Allah, berkati bumi Sham dan Yaman kami.” (Riwayat Al-Bukhari & Al-Turmuzi)

- Bumi para anbiya’ e.g Ibrahim, Ya`kub, Musa, Isa, Zakaria, Yahya

- Tanah subur, daerah tamadun agung zaman silam e.g. Asyria, Babylon, Parsi, Rom, Petra
- Jadi perebutan kerana subur, pintu jalan laut (ekonomi) Mediteranian ke Eropah, dan pintu ke Irak = tempat konflik


# Kedatangan Islam

- Nabi s.a.w utus surat dakwah ke raja Rom dan sekutunya Bani Ghassan
- Utusan ke raja Rom dilayan baik, utusan ke bani Ghassan dibunuh
  - satu tindak perang
- Dari sudut sejarah Islam, tindak perang dan permusuhan bermula dari sekutu Rom
  - Rom subahat kerana bela sekutunya
- Bermula operasi tentera dari zaman Nabi e.g Perang Mu`tah, Tabuk

- Diteruskan oleh Abu Bakr r.a, bermula dengan Tentara Usamah r.a, kemudian oleh Abu Ubaidah r.a
  - kejayaan terbatas, hingga kedatangan Khalid bin Al-Walid r.a
- Kestabilan kuasa ke atas Sham sepenuhnya zaman Uthman r.a, bawah gabenor Muawiyah r.a
- Setelah khilafah Umawiyah, perebutan antara penguasa-penguasa Islam e.g Mamluk, Fatimiyah, Ayubiyah
  - kedatangan tentera Eropah semula melalui tentera Salib
  - kedatangan Mongol
- Berakhir Perang Salib, kuasa stabil di tangan khilafah Uthmaniyah

# Zaman Moden

- Kuasa Eropah mula kembali ke Timur Tengah
  - untuk mengalahkan khilafah Uthmaniyah
- Perang Dunia I, Uthmaniyah bersekutu dengan Jerman dan kalah
  - banyak daerah-daerahnya jatuh ke negara Eropah
  - Perjanjian Sykes-Picot membahagikan daerah antara negara-negara Eropah
- Sham dipecah-pecahkan
  - Lebanon, Syria = Perancis
  - Palestin, Jordan = UK




- Pelbagai pemberontakan ke atas penjajahan Perancis
- Merdeka sepenuhnya selepas Perang Dunia II, 1946
- Pasca merdeka, alami ketidakstabilan kerana
  - konflik dengan Israel
  - baru merdeka
  - perebutan kuasa = pelbagai kudeta tentera
- 1963 dikuasai oleh Parti Baath (Sosialis Arab)
  - alami pula perebutan kuasa antara anggota Baath



# Pemerintahan Hafez Al-Assad

- 1970 kudeta oleh Hafez Al-Assad
- Corak pemerintahan
  - berideologi sosialis, sekutu Soviet Union (komunis)
  - kuasa berasal dari kudeta, bukan mandat rakyat
  - pemerintahan berasaskan individu, keluarga dan kroni i.e. Alawi/Ismaili
- Sukar dibayangkan regim ini memiliki mandat dari rakyat kerana
  - majoriti rakyat Muslim, tolak sosialisme
  - majoriti rakyat bermazhab Sunni, tolak Alawi



- Satu kekuasaan kuku besi, melakukan penindasan politik
  - pembunuhan beramai-ramai di Hamah (1982)
  - penindasan etnik Kurdi
  - dekri – hukum mati ke atas sesiapa yang menganggotai kumpulan-kumpulan pembangkang e.g Al-Ikhwan
- Kekayaan negara terbatas pada kroni i.e. kerabat dan golongan Alawi
- Bersifat dinastik – kuasa dipindah kepada Bashar Al-Assad, anak Hafez Al-Assad
  - perlembagaan dipinda, umur minimum presiden dari 40 ke 34, untuk bolehkan Bashar dipilih
  - Bashar dapat undi 97.29% - satu bentuk peratusan undi yang boleh berlaku hanya di bawah kuasa otoritarian

- Rumusan
  - satu pemerintahan yang tidak berasaskan mandat rakyat
  - tidak adil
  - menindas

# Arab Spring & Konflik Bersenjata

- Bashar memberi sedikit harapan kerana
  - lebih berpendidikan
  - berpendidikan Barat
  - lakukan sedikit reformasi politik
- Perubahan dianggap perlahan
  - Arab Spring memberi inspirasi baru
  - harapan, Syria pun boleh seperti Tunisia dan Mesir
- Pemerintah guna tentera
  - tekanan dan penindasan yang kuat oleh tentera dan kejayaan di Libya dorong pemberontakan bersenjata



# Sikap Saksama

- Tidak syak, pemerintahan di Syria tiada keabsahan (legitimacy)
  - tiada / hilang mandat rakyat
  - tidak berminat memberi mandat kuasa kepada rakyat
  - melakukan tindakan kejam i.e. pembunuhan orang-orang awam
- Pertanggungjawaban atas Bashar
  - pemimpin tertinggi
  - tidak hukum komander tentera yang bersalah

- Islam anjur
  - tegak keadilan (4:58, 4:135, 5:8, 7:59, 27:90)
  - tolak kezaliman (8:25, 11:113 )
  - ajak kepada kebaikan, cegah munkar
  - betulkan penguasa yang jahat (kisah Musa dan Firaun)
  - “Agama adalah nasihat..” (Riwayat Muslim) – termasuk kepada pemimpin
  - pemerintahan berdasarkan mandat rakyat (anjuran syura, 3:159, 42:43)
  - akui kebebasan bersuara dan politik, “Jihad yang paling utama adalah berkata benar di hadapan penguasa atau pemimpin yang zalim.” (Riwayat Abu Daud)
- Oleh itu, aksi rakyat bersuara menegur pemerintah dan menuntut hak mereka adalah wajar, bukan isu yang patut dipermasalahkan di sisi agama

- Apa yang menjadi isu ialah cara dan prosesnya?
- Prinsip perubahan Islam
  - beransur-ansur (17:106, 25:32)
  - utamakan saluran yang aman dan bukan ganas (peace and non-violent) = proses dakwah dan politik (8:61)
- Jihad
  - jihad bermakna luas, bukan hanya bersenjata
  - kalau pun ada alasan untuk jihad bersenjata, bukan bermakna mesti pilih
  - wajib buat analisa maslahat dan mudarat
  - pilih pilihan yang sesuai sengan prinsip perubahan Islam dan yang kurang mudarat

- Hukum pemberontakan bersenjata
  - Majoriti besar ulama sunni tidak membenarkan pemberontakan bersenjata untuk ubah penguasa yang zalim
  - Ada yang katakan ijma'
  - Kerana fakta sejarah juga menunjukkan mudarat yang besar i.e. konflik Muawiyah dengan Ali, tragedi Karbala, pemberontakan Abdullah ibn Al-Zubair, tragedi Al-Harrah
  - kajian sains politik juga akui proses politik lebih baik dari proses bersenjata dan banyak kes-kes kejayaan



- Hadis 1

“Nanti setelah aku akan ada seorang pemimpin yang tidak mendapat petunjukku (dalam ilmu, pen) dan tidak pula melaksanakan sunnahku (dalam amal, pen). Nanti akan ada di tengah-tengah mereka orang-orang yang hatinya adalah hati setan, namun jasadnya adalah jasad manusia. Aku berkata, “Wahai Rasulullah, apa yang harus aku lakukan jika aku menemui zaman seperti itu?” Beliau bersabda, **“Dengarlah dan ta’at kepada pemimpinmu, walaupun mereka menyiksa punggungmu dan mengambil hartamu. Tetaplah mendengar dan ta’at kepada mereka.”** (Riwayat Muslim)

- Hadis 2

“Akan ada nanti pemimpin-pemimpin yang kamu suka amalan mereka dan ada yang kamu benci (kerana ianya maksiat), sesiapa yang mengenal pasti maksiat yang dilakukan maka dia terlepas, sesiapa yang ingkar dia selamat, tetapi (yang binasa) adalah yang reda dan mengikut”. Para Sahabat berkata:

“Apakah tidak boleh kami memerangi mereka?” Kata baginda:

“Tidak boleh selagi mereka bersolat.” (Riwayat Muslim, Abu Daud, Ahmad dan Al-Turmuzi)

- Hadis 3

“A companion, Salamah bin Yazid Al-Ju`fi, asked the Prophet, “O Prophet of Allah! What do you consider appropriate when we have rulers who ask us for their rights but deny our own rights. What do you order us (to do)?” The Prophet turned away from him. Thereupon, he asked him again and he turned away the second or third time. So, Asy`ats bin Qays pulled him back. Then the Messenger of Allah said, **“Listen and obey; they will surely shoulder their burdens and you will bear your own burdens too.”** (Narrated by Muslim)

- Hadis 4

“The Prophet has said, “After me, there shall be deprivation (of rights) and things that you will dislike.” They [his companions] asked, “O Messenger of Allah! What do you order us to do (then)?” He answered, **“Fulfill the rights over you and ask Allah for that which is for you.”** (Narrated by Al-Bukhari and Muslim)

- Berkata Ibn Hajar mengenai pandangan para ulama awal yang membenarkan perang ke atas pemimpin yang zalim

“Ini adalah mazhab para salaf yang lama. Telah tetap persoalan ini di sisi mereka untuk meninggalkan yang demikian itu setelah mereka menyaksikan ia telah menjurus kepada yang lebih buruk dari itu. Sesungguhnya pada pertempuran Al-Harrah dan pertempuran Ibn Al-Asy`ats dan selainnya pengajaran bagi siapa yang merenung.”

- Al-Syaukani berkata

“Tidak boleh melawan para pemimpin dengan pedang, selama mana mereka mendirikan solat.”

- Al-Nawawi berkata

“Adapun keluar menentang ke atas mereka, maka haram hukumnya berdasarkan ijma’, walaupun mereka itu fasiq dan zalim.”

“Tidak harus keluar menentang khalifah-khalifah semata-mata kerana kezaliman dan kefasiqan selama mana mereka tidak merubah dasar-dasar Islam.”

- Al`Aini berkata

“Tidak boleh menggulingkannya (penguasa) dari kekuasaan di sebabkan itu (fasiq dan zalim).”

- Al-Kirmani berkata

“Para fuqaha’ telah berijma’ bahawa wajib mentaati pemimpin mutaghallib (yang merampas kuasa dan dilantik bukan dari perlantikan rakyat), selama mana dia mendirikan solat berjamaah dan jihad, kecuali jika berlaku kekufuran yang nyata. Pada ketika itu, tidak wajib mentaatinya, bahkan wajib bermujahadah terhadapnya bagi yang mampu.”

“Sesungguhnya raja tidak dilucutkan jawatan disebabkan kefasiqannya kerana pada usaha untuk melucutkan dia terdapat sebab bagi fitnah, pertumpahan darah dan perpecahan. Kerosakan dalam melucutkan dia lebih banyak dari mengekalkannya.”

- Ibn Taimiyah berkata

“Dalam hadits, ia memerintah mereka untuk taat, melarang mereka dari merampas kuasa dari penguasa dan memerintah mereka agar menegakkan kebenaran.”

“Ini menerangkan bahawa ‘aimmah itu adalah para pemimpin dan penguasa. Bahawa dia dibenci dan diingkari kerana maksiat yang dia datangkan. Dan tidak boleh ditarik tangan dari ketaatan. Bahkan mereka ditaati pada (perkara yang makruf yang diredhai) Allah. Di antara mereka ada yang baik dan ada yang buruk”

“Telah tetap persoalan di sisi Ahlli Sunnah terhadap meninggalkan perang dalam situasi fitnah berdasarkan hadits-hadits yang sahih dan telah sabit dari nabi s.a.w. Mereka menjadikan ini dalam urusan aqidah mereka dan memerintahkan sabar atas penyelewengan para pemimpin dan meninggalkan perang atas mereka, walaupun telah memerangi mereka sebelum ini segolongan yang ramai dari ahli ilmu dan agama.”



- Ibn Abi Al-`Iz berkata

“Adapun wajib mentaati mereka walaupun mereka menyeleweng kerana keluar dari ketaatan mereka terdapat kerosakan-kerosakan yang berganda dari apa yang diperolehi dari penyelewengan mereka. Bahkan dalam bersabar atas penyelewengan mereka, terdapat penghapusan dosa dan gandaan pahala.”

- Ibn Battal berkata

“Telah ijma’ para fuqaha’ atas wajib mentaati raja mutaghallib (yang merampas kuasa dan dilantik bukan dari perlantikan rakyat) dan berjihad dengannya dan mentaatinya lebih baik dari keluar menentangnya kerana pada yang demikian itu memelihara (pertumpahan) darah.”

- Bukan bermakna bersikap pasif dan pasrah
  - Islam suruh kita ubah munkar dan tegak keadilan
- Gunakan dakwah dan proses politik yang aman, bukan bersenjata
  - rujuk poin yang lalu
- Realiti, tiada siapa yang kata Syria hari ini lebih baik dari Syria sebelum pemberontakan (walau berlaku ketidakadilan)
  - ramai yang hanya berharap ia adalah untuk masa depan yang lebih baik (??)
- Kemudaratan dari pemberontakan bersenjata amat jelas e.g kematian, kemusnahan, kesan sosial dan psikologi

- Nasihat ulama Sunni silam adalah benar
  - jelas kebijaksanaan prinsip perubahan Islam dan bahaya pemberontakan bersenjata
- Pilihan pemberontakan bersenjata adalah satu kesilapan

# Sikap Kita

- Tidak perlu terjun dan libatkan diri dalam konflik bersenjata atas analisa yang dinyatakan
- Orang Syria pun tidak mengharapkan orang asing untuk libatkan diri kerana tidak perlukan pejuang
- Maslahat Islam di Singapura juga perlu dijaga  
- yang tinggalkan Singapura, tidak mudah diganti

- Carikan huraian politik dan aman (bagi yang mampu dan berkuasa) e.g pemimpin politik, akademik, tokoh berpengaruh
  - hentikan konflik bersenjata dari semua pihak
  - damaikan semua pihak
  - lobi



- Bantu tangani krisis kemanusiaan yang ada
  - sumbangan kewangan untuk projek kemanusiaan
  - lakukan projek-projek kemanusiaan
- Doa berterusan agar keamanan dipulihkan
  - kemenangan satu pihak, bukan bermakna kembali aman



# Sikap Terhadap ISIS

- Ratusan ulama telah menolak dan memfatwakan ISIS sebagai kumpulan yang langgar ajaran Islam dengan hujah-hujah dan penjelasan yang terperinci
  - lihat Suara Muslim Menolak IS: Satu Analisa di [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)
  - lihat [www.lettertobaghdadi.com](http://www.lettertobaghdadi.com)
- “Umatku tidak akan bersepakat atas kesesatan. Apabila kamu berselisih, maka hendaklah kamu bersama dengan Al-Sawad Al-A`azam (golongan yang ramai).” (Riwayat Ibn Majah)

- Soal ISIS diwujudkan oleh siapa adalah sekunder
  - yang penting kesalahannya perlu didedahkan
- Tolak ISIS bukan bermakna sokong atau redha penglibatan pihak bersekutu
  - kerana kehadiran tentera Amerika di Iraq sejak awal lagi adalah satu kesilapan strategik dan politik
- Kritik Amerika/pemerintah tidak bermakna sokong ISIS



**#NO2ISIS**



- Kededuanya perlu ditegur, tapi bercakap biar berdasarkan ilmu dan sesuai dengan bidang pengkhususan masing-masing
  - yang mahir cakap pasal ISIS, silakan
  - yang mahir cakap pasal polisi Amerika, silakan
  - tidak salah juga fokus pada isu ISIS atau polisi Amerika sahaja
  - tak perlu nak saling mengeji atau buruk sangka kepada pihak lain
- “Tidak boleh disandarkan kepada orang yang diam itu sesuatu”
  - kaedah fiqh pegangan ulama

# Rujukan

- Beransur-ansur dalam perubahan, <http://haniff.sg/jihadterror/bertahap-tahap-melakukan-perubahan/>
- Utamakan keamanan, <http://haniff.sg/jihadterror/ciri-ciri-sederhana-dalam-islam-4-aman-dan-damai/>
- Tidak ganas, <http://haniff.sg/jihadterror/ciri-ciri-sederhana-islam-dalam-3-berlemah-lembut/>
- Soal jawab mengenai jihad, <http://haniff.sg/jihadterror/risalah-soal-jawab-mengenai-jihad/>

- Kaedah memperbetulkan pemerintah  
<http://haniff.sg/artikel-pendek/kaedah-dalam-memperbetulkan-pemerintah-penguasa-13/>  
  
<http://haniff.sg/artikel-pendek/kaedah-dalam-memperbetulkan-pemerintah-penguasa-23/>  
  
<http://haniff.sg/artikel-pendek/kaedah-dalam-memperbetulkan-pemerintah-penguasa-33/>

Wallahu A`alam  
Moga Bermanfaat  
Terima Kasih